

(20) dlm KKI: 82/2/6

4 hb Oktober 1984

Semua Pengarah Perkhidmatan Perubatan & Kesihatan Negeri  
Semua Pengarah Yayasan  
Pengarah Perkhidmatan Perubatan, Sabah  
Pengarah Perkhidmatan Perubatan, Sarawak


PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN BIL. 4/1984

Pendaftaran Sebagai Pengamal Perubatan Selepas  
Tamat Latihan Doktor Siswazah

Saya merujuk kepada Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil. 1/1983 bertarikh 28hb Februari 1983.

2. Adalah diperhatikan bahawa masih ramai doktor-doktor siswazah yang lambat memohon berdaftar penoh dibawah Akta Perubatan 1971 selepas mereka tamat latihan doktor siswazah. Sebagaimana tuan sedia maklum, pendaftaran sementara hanya sah untuk tujuan latihan doktor siswazah dibawah seksyen-kecil (2) dan (3) seksyen 13 Akta. Selepas itu, pengamal hendaklah mempunyai pendaftaran penoh jika mereka hendak meneruskan amalan perubatan. Mereka yang meneruskan amalan perubatan tanpa pendaftaran penoh dibawah Akta adalah dianggap telah melakukan satu kesalahan dibawah Akta. Pengarah-pengarah juga adalah diingatkan bahawa mereka boleh dianggap sebagai telah membuat satu kesalahan dan tidak cekap kerana membenarkan pengamal-pengamal yang tidak berdaftar penoh menjalankan amalan perubatan dan boleh dihukum dibawah peraturan-peraturan yang tertentu.

3. Oleh yang demikian, semua Pengarah adalah diminta memberi perhatian yang serius kepada perkara ini. Semua Pengarah-pengarah hendaklah memastikan bahawa semua doktor siswazah mempunyai pendaftaran penoh dibawah Akta selewat-lewatnya dalam tempoh satu bulan selepas tamat latihan doktor siswazah. Tindakan tegas akan diambil terhadap sesiapa pun yang gagal mematuhi arahan ini.

  
(DATUK (DR) ABDUL KHALID BIN SAHANI)  
Ketua Pengarah Kesihatan.

s.k. YB Menteri Kesihatan  
YB Timbalan Menteri Kesihatan  
YB Setiausaha Parlimen  
Ketua Setiausaha  
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan  
Semua Ketua Bahagian  
Setiausaha, Majlis Perubatan Malaysia

FAKULTI PERUBATAN  
UNIVERSITI MALAYA

PEJABAT DEKAN



ah Pantai  
KUALA LUMPUR

ALAMAT KAWAT: UNIVSEL  
TALIPON: 54361 (6 Saraf)

27

Bil. Kami:

26 Disember 1984

Ketua-Ketua Jabatan Klinikal

Anaesthesiologi  
Mikrobiologi Perubatan  
Obstetriks & Ginekologi  
Ophthalmologi  
Orthopaedik Surgeri  
Otorhinolaringologi  
Paediatriks  
Pathologi  
Perubatan  
Perubatan Psikologi  
Radiologi  
Surgeri

per: Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil. 4/1984 -  
Pendaftaran sebagai Pengamal Perubatan selepas  
tamat Latihan Doktor Siswazah

.... Sila teliti komunikasi-komunikasi terlampir mengenai perkara tersebut di atas dari Datuk Dr Abdul Khalid bin Sahan, Ketua Pengarah Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia. Perkara terkandung adalah menerangkan sendiri. Saya akan berterima kasih kiranya tiap-tiap Ketua Jabatan, di jabatan mana ada doktor siswazah yang bekerja di bawah mereka, memastikan bahawa kandungan pekeling ini dipatuhi dengan tegas oleh doktor-doktor berkenaan.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

*T. A. Simathuray*

( Professor Datuk T A Simathuray )  
Dekan, Fakulti Perubatan, dan  
Pemangku Pengarah  
Hospital Universiti

→ k Datuk Dr Abdul Khalid bin Sahan  
Ketua Pengarah Kesihatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Kuala Lumpur  
Puan Hajah Marina bt Mohd Yusoff  
Pengerusi  
Lembaga Pengurus Hospital Universiti  
Hospital Universiti  
Kuala Lumpur

Datuk Dr Gurmukh Singh  
Pengarah baru

